

CNS8397

R GB 13-09 00167 BB044

aab

Mahathir - Israel (ulangan)

MALAYSIA PERLU MASA UNTUK IKTIRAF ISRAEL, KATA MAHATHIR

I

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Malaysia memerlukan sedikit masa untuk mengkaji kemungkinan mengiktiraf Israel meskipun Tel Aviv dan Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) telah mencapai persetujuan damai.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pendirian Malaysia terhadap Israel dipengaruhi oleh sikap Israel terhadap negara-negara Arab dan orang Islam di Palestin.

"Jika Israel telah mengubah sikap, kita perlu mempertimbangkan perkara ini terutama apabila pihak Palestin sendiri mengiktiraf Israel," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perhutanan Komanwel ke-14 di Shangri-La di sini.

Beliau berkata Malaysia memerlukan masa untuk mengkaji perkara itu kerana negara tidak boleh secara tiba-tiba "mengalih" daripada dasarnya yang sudah lama tidak mengiktiraf Israel.

Dr Mahathir berharap perjanjian bagi pemerintahan sendiri oleh rakyat Palestin di Semenanjung Gaza yang diduduki Israel dan bandar Jericho di Tebing Barat merupakan langkah awal ke arah perundingan lanjut antara Israel dan PLO. -- Lagi

♥13/09/19-13MST

CNS8423

R GB 13-09 00145 BB045

aab

Mahathir - Israel 2 (Akhir) Kuala Lumpur

"Saya berharap mereka dapat menyelesaikan masalah melalui rundingan dan bukan menerusi konfrontasi," katanya.

Mengulas laporan sebuah akhbar bahawa ringgit kini memasuki pasaran "antarabangsa" dengan menerima permintaan sehingga dari Eropah, Dr Mahathir berkata beliau berharap keadaan itu tidak akan menjejaskan nilai mata wang Malaysia itu.

Dalam laporan muka depannya, Business Times berkata salah satu sebab utama ringgit mendapat permintaan di luar negeri ialah banyak pelabur yakin nilainya akan turun memandangkan ekonomi negara berkembang pesat.

"Saya berharap fikirang serupa ini tidak akan mengakibatkan nilai ringgit turun atau dinilai semula tanpa sebarang asas," katanya.

Beliau berkata mata wang sesebuah negara hendaklah mencerminkan prestasi ekonomi dan tahap pembangunannya.

"Kita ialah sebuah negara membangun...kita perlu kos yang rendah supaya dapat menandingi negara-negara lain," katanya. -- Bernama

AZZ OA

♥13/09/19-40MST